

**Bajet 2012: Najib beri bantuan RM500 kepada 3.4j isi rumah**  
**The Malaysian Insider**  
**07 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 7 Okt — Pentadbiran Najib mengumumkan pemberian bantuan RM500 kepada isi rumah berpendapatan bulan RM3,00 dan ke bawah dalam usaha meringankan belanja seharian rakyat termasuklah dalam menyekolahkan anak-anak mereka.

“Langkah yang julung kali diambil ini membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap golongan berpendapatan rendah akibat kenaikan kos sara hidup,” kata Datuk Seri Najib Razak ketika mengumumkan Bajet 2012.

Katanya, seramai 3.4 juta isi rumah atau 53 peratus daripada jumlah keseluruhan isi rumah dijangka mendapat manfaat daripada bantuan ini.

“Pemberian ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1.8 bilion. Untuk menerima bantuan ini, ketua isi rumah yang layak hendaklah berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai agensi pelaksana. Bantuan ini akan disalurkan melalui bank dan pejabat pos,” kata beliau.

MENYUSUL LAGI

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bajet-2012-najib-beri-bantuan-rm500-kepada-3.4j-isi-rumah/>